

**Jurnal Qiraat**

Fakulti Pengajian Peradaban Islam,
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang Selangor
2025, Vol 1, Bil X, Halaman 59-69

Cabaran Pengajaran Ilmu Qiraat di MITS Kuala Langat: Satu Kajian Kes *The Challenges of Teaching Qiraat at MITS Kuala Langat: A Case Study*

Muhammad Syafee Salihin bin Hasan^{1*}, Mohd Mahfuz bin Jaafar², Zahrotul Jazimah binti Azhar³

¹ Fakulti Pengajian Peradaban Islam, UIS, 43000, Malaysia.

² Fakulti Pengajian Peradaban Islam, UIS, 43000, Malaysia

³ Fakulti Pengajian Peradaban Islam, UIS, 43000, Malaysia

* Corresponding Author: **Muhammad Syafee Salihin Bin Hasan**. Jabatan Tahfiz al-Quran & al-Qiraat, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, UIS, 43000, Malaysia, mrsyafee@uis.edu.my, 013-9917262.

Artikel dihantar: 19 Jun 2025

Artikel diterima: 28 Jun 2025

Artikel diterbitkan: 30 Jun 2025

ABSTRACT

The teaching of Qiraat at Maahad Integrasi Tahfiz Selangor (MITS) Kuala Langat faces various challenges that affect the effectiveness of students' learning. Therefore, this study aims to identify the challenges and propose solutions in the teaching of Qiraat at Maahad Integrasi Tahfiz Selangor (MITS) Kuala Langat. A qualitative case study approach was employed, with data collected through semi-structured interviews involving three Qiraat teachers at the institution. The interview findings revealed that the main challenges in teaching Qiraat include students' lack of interest in the subject, failure to memorise the rumuz and matan of Qiraat, limited student participation during teaching sessions, and lack of awareness regarding the importance of Qiraat in the broader context of Quranic studies. This study is significant as part of the effort to enhance students' practical mastery of Qiraat at the secondary education level.

Keywords

Qiraat knowledge, teaching, MITS Kuala Langat

ABSTRAK

Pengajaran ilmu qiraat di Maahad Integrasi Tahfiz Selangor (MITS) Kuala Langat berdepan pelbagai cabaran yang memberi kesan terhadap keberkesanan pembelajaran pelajar. Oleh itu kajian ini bertujuan mengenal pasti cabaran dalam pengajaran ilmu qiraat di Maahad Integrasi Tahfiz Selangor (MITS) Kuala Langat. Kaedah kualitatif berbentuk kajian kes telah digunakan dengan pengumpulan data melalui temu bual separa berstruktur melibatkan tiga orang guru qiraat di Maahad Integrasi Tahfiz Selangor (MITS) Kuala Langat. Hasil temu bual menunjukkan bahawa antara cabaran utama dalam pengajaran qiraat ialah kurangnya minat pelajar terhadap subjek qiraat, kegagalan menghafaz rumuz dan matan Qiraat, kurang bertanya semasa sesi pengajaran, serta tidak mengetahui kepentingan ilmu qiraat dalam konteks pengajian al-Quran secara menyeluruh. Kajian ini penting sebagai salah satu usaha meningkatkan penguasaan qiraat amali dalam kalangan pelajar dalam pendidikan menengah.

**Kata kunci**

Ilmu Qiraat, pengajaran, cabaran, MITS Kuala Langat

How to Cite: Syafee, M. S. S., Jaafar, M. M., Jaafar, M. M., & Azhar, Z. J. (2025). Cabaran Pengajaran Ilmu Qiraat di MITS Kuala Langat: Satu Kajian Kes: The Challenges of Teaching Qiraat at MITS Kuala Langat: A Case Study. *QIRAAT: Jurnal Al-Quran Dan Isu-Isu Kontemporari*, 8(1), 59–69.

DOI: <https://doi.org/10.53840/qiraat.v8i1.97>

1.0 PENGENALAN

Ilmu Qiraat merupakan cabang ilmu al-Quran yang penting dalam memastikan ketepatan bacaan serta kefahaman terhadap kepelbagaian bacaan yang diwarisi sejak zaman Rasulullah SAW. Namun, realiti pengajaran Ilmu Qiraat di institusi tahfiz kontemporari menunjukkan pelbagai cabaran dari segi minat, motivasi dan keberkesanan pedagogi (Abdul Jalal Abdul Manaf, 2015). Tenaga pengajar ilmu Qiraat disarankan agar lebih proaktif dalam mempelbagaikan kaedah dan teknik pengajaran bagi memastikan proses pembelajaran menjadi lebih menarik, interaktif dan berkesan (Muhammad Syafee Salihin, 2024). Di samping itu, pelaksanaan pengajaran qiraat hendaklah dirancang dan dilaksanakan mengikut kerangka pengajaran yang sistematik dan menyeluruh agar matlamat dan objektif pembelajaran tercapai. Justeru kajian ini dilaksanakan bagi meneliti secara khusus berkaitan cabaran pengajaran ilmu qiraat di Maahad Integrasi Tahfiz Sains (MITS) Kuala Langat.

2.0 SOROTAN LITERATUR

Pengkaji telah membuat sorotan seperti artikel, jurnal, kertas kerja seminar dan tesis yang berkaitan dengan tajuk kajian bagi memastikan kajian yang dilakukan bersifat terkini dan belum dikaji oleh pengkaji-pengkaji lain secara khusus dalam bab yang dikaji oleh pengkaji. Kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan amalan pengajaran ilmu Qiraat di pelbagai institusi pendidikan memberi gambaran yang luas tentang pendekatan, kaedah, cabaran serta tahap penguasaan pelajar terhadap subjek ini.

Ikmal Zaidi Hashim et al. (2015) melalui kajian Kurikulum Pengajian Qiraat di Sekolah Menengah dan IPT di Malaysia menjelaskan cabaran terhadap pentadbir dalam menyesuaikan silibus Qiraat mengikut keupayaan pelajar. Dapatan kajiannya merumuskan sukatan Qiraat perlu diteliti semula agar lebih bersesuaian dengan tahap kognitif pelajar menengah.

Seterusnya Zainora Daud et al. (2015) berdasarkan kajian Amalan dan Kaedah Pengajaran Qiraat Ilmi di Darul Quran dan Maahad Tahfiz Negeri telah menjelaskan cabaran guru dalam menyampaikan ilmu secara tersusun, sistematik dan bersanad.

Menerusi kajian Azri Kifli, Jahidih Saili dan Azmil Hashim (2020) yang bertajuk pengaruh minat, motivasi, strategi pengajaran dan persekitaran terhadap penguasaan Qiraat pelajar tingkatan 4 menunjukkan bahawa minat pelajar dan pendekatan guru sangat mempengaruhi tahap literasi Qiraat.

Selain itu Ahmad Junaidi Mohamad Said (2018) berdasarkan kajian faktor penguasaan Qiraat al-Sab'ie dalam kalangan pelajar KKQ menunjukkan bahawa kelemahan dalam asas tajwid dan hafazan menjadi cabaran besar bagi pelajar untuk memahami dan menguasai Qiraat. Dapatan kajiannya juga menunjukkan bahawa pelajar lemah dalam sebutan dan hafalan disebabkan asas bacaan yang tidak kukuh.



Kajian Roslan (2018) pula menyatakan bahawa pengajaran Qiraat masih bergantung kepada buku teks konvensional tanpa sokongan visual atau audio yang mampu meningkatkan pemahaman dan motivasi pelajar. Hal ini menjadi lebih mencabar dalam konteks pembelajaran generasi muda yang lebih responsif terhadap teknologi.

Kajian Shafie, Ahmad, dan Hussin (2021) pula mendapati bahawa pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) mengalami kesukaran dalam menguasai bacaan Qiraat selain riwayat Hafs disebabkan kurangnya pendedahan awal serta pendekatan pengajaran yang terlalu berfokus kepada hafalan semata-mata tanpa penekanan terhadap pemahaman konsep

Berdasarkan analisis dan sorotan terhadap kajian-kajian lepas berkaitan pengajaran ilmu Qiraat di pelbagai institusi pendidikan, pengkaji mendapati bahawa pengajaran Ilmu Qiraat mempunyai kepentingan yang tinggi namun menghadapi cabaran signifikan dari aspek pedagogi, sumber manusia, dan teknologi. Jesteru kajian cabaran dan penyelesaian dalam pengajaran ilmu Qiraat di MITS Kuala Langat ini diharapkan dapat memperkayakan lagi wacana akademik berkaitan pengajaran ilmu Qiraat dan menyumbang ke arah penambahbaikan kurikulum serta amalan pendidikan tahfiz secara umum di Malaysia.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini dilaksanakan adalah bagi “mengenal pasti cabaran dalam pengajaran ilmu Qiraat di MITS Kuala Langat”

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian cabaran pelaksanaan pengajaran qiraat ini telah dilaksanakan melalui kaedah temu bual separa berstruktur bersama tiga orang tenaga pengajar ilmu qiraat di MITS Kuala Langat yang telah berpengalaman melebihi lima tahun dalam pengajaran ilmu qiraat. Melalui kaedah temu bual, pengkaji memperolehi maklumat lebih tepat dan jelas berkaitan pandangan informan terhadap cabaran dalam pelaksanaan pengajaran qiraat di MITS Kuala Langat.

Sebelum memulakan sesi temu bual bersama informan, pengkaji terlebih dahulu mendapatkan persetujuan daripada semua informan bagi melaksanakan sesi temubual berkaitan cabaran pengajaran qiraat di MITS Kuala Langat. Proses temu bual telah dilaksanakan sebanyak sekali bagi setiap informan pada tarikh yang berbeza antara satu sama lain dan tempoh temu bual dilaksanakan mengambil masa 45 minit hingga 1 jam. Rakaman temu bual secara bersemuka dilakukan dengan kebenaran informan menggunakan perakam suara digital *Smartphone Vivo V19*. Data temu bual kajian turut dicatat dalam nota kajian. Transkrip temu bual dilakukan secepat mungkin selepas sesi temu bual selesai dilakukan.

4.1 Sampel Kajian

Proses temu bual telah melibatkan seramai tiga orang informan dalam kalangan tenaga pengajar ilmu qiraat di MITS Kuala Langat berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan. Pengkaji telah mengidentifikasikan nama sebenar setiap informan dengan memberi nama samaran seperti ‘informan 1’, ‘informan 2’ informan 3’. Jadual 1.1 berikut menunjukkan ringkasan maklumat latar belakang profil informan dalam melaksanakan proses temu bual.

Jadual 1.1 Profil Informan

 Jurnal Al-Quran dan Isu-isu Kontemporari e-ISSN : 2636-9591 					
Profil Informan	Pendidikan	Pengalaman Mengajar	Subjek & Tempoh Mengajar	Sanad & Guru	Lokasi Kerja
Informan 1	Ijazah Sarjana	14 tahun	Qiraat (5 tahun sejak 2020)	Sanad Hafs dari Syeikh Hussin & Syeikh Abdul Rahman	MITs Kuala Langat (2009–2019), MITs Alam Impian (2020–2023)
Informan 2	Ijazah Sarjana Muda	13 tahun	Tajwid (Tingkatan 1 & 2), Qiraat (Tingkatan 3 & 4, 5 tahun)	Sanad Riwayat Abu Ja'far dari Syeikh Judah	MITs Kuala Langat (2010–2023)
Informan 3	Ijazah Sarjana Muda	11 tahun	Tajwid & Al-Quran (11 tahun), Qiraat (4+ tahun, Tingkatan 3)	Sanad Riwayat Hafs, Warsh, Qalun, Khalaf dari beberapa Syeikh	MITs Kuala Langat (2012–sekarang)

Sumber: Protokol Temubual (2025)

Jadual 1.1 menjelaskan ketiga informan mempunyai pengalaman melebihi 10 tahun dalam pengajaran qiraat peringkat menengah. Informan pertama merupakan seorang wanita berusia 39 tahun, telah berkahwin dan mempunyai seorang anak. Beliau memiliki latar belakang akademik dalam bidang al-Quran dan al-Qiraat, bermula dengan Diploma dari Darul Quran JAKIM (cawangan Klang) dan seterusnya Ijazah Sarjana Muda dari Universiti al-Azhar, Mesir. Beliau juga memiliki Sarjana dalam Bimbingan dan Kaunseling dari UKM. Beliau telah berkhidmat sebagai guru selama hampir 14 tahun, termasuk di MITs Kuala Langat (2009–2019) dan MITs Alam Impian (2020–2023). Pengajaran qiraat secara rasmi dimulakan sejak tahun 2020. Selain memiliki sanad bacaan qiraat Hafs daripada dua orang syeikh, beliau juga mempelajari beberapa ilmu berkaitan al-Quran seperti *Rasm*, *Dhobd*, *Fawasil* dan *Tarikh Qurra'*, serta mendalami qiraat lain tanpa mengambil sanad.

Informan kedua mendapat pendidikan awal di Sekolah Menengah Agama Uwanus Saadah sebelum menyambung pengajian Diploma al-Quran di Maahad Tahfiz Selangor (kini MITs Kuala Langat) selama tiga tahun. Seterusnya, beliau melanjutkan pelajaran ke Universiti al-Azhar, Maahad Qiraat Shoubra, Mesir, dan memperoleh Ijazah Sarjana Muda dalam bidang takhassus qiraat. Sekembalinya ke Malaysia pada tahun 2010, beliau menyambung pengajian Diploma Pendidikan (2012) dan pernah mengajar di sebuah sekolah pondok swasta selama beberapa bulan. Beliau mula berkhidmat di MITs Kuala Langat sejak tahun 2010 hingga 2023, dengan pengalaman mengajar subjek Tajwid (tingkatan 1 & 2) dan qiraat (tingkatan 3 & 4), termasuk subjek peperiksaan besar SMATQ. Pengalaman mengajar qiraat secara khusus telah mencecah lima tahun. Beliau juga pernah menghadiri seminar pengajaran ilmu qiraat dan memperoleh sanad Riwayat Abu Ja'far daripada Syeikh Judah ketika belajar secara talaqqi di Mesir.

Informan ketiga memulakan pengajian di Markaz Tahfiz Al Quran Wal Qiraat Negeri Selangor (MARTAH) pada tahun 2000 hingga 2003, yang kemudiannya dikenali sebagai MATISDAR sehingga tahun 2005. Pada tahun 2006, beliau menyambung pengajian Diploma al-Quran dan al-Qiraat di Darul Quran, sebelum melanjutkan pelajaran ke Maahad Qiraat Shoubra, Mesir, sehingga tahun 2012. Sekembalinya ke Malaysia, beliau berkhidmat sebagai guru KAFA di SRA Kanchong Darat dan menjadi guru tasmik jemputan di Maahad Integrasi Tahfiz Sains Dan Teknologi Istana Bandar (MITIB). Beliau mula mengajar di MITs Kuala Langat sejak tahun 2012 hingga kini (11 tahun), khusus dalam subjek al-Quran dan Tajwid. Beliau telah mengajar qiraat dan tajwid melebihi empat tahun dan kini mengajar qiraat tingkatan 3. Beliau memiliki sanad bacaan Riwayat Imam Hafs 'an 'Asim (*Tariq Syatibi* dan *Thayyibah*) dengan empat harakat daripada Syeikh Mahmud dan arwah Syeikh Redha Salim. Beliau juga memperoleh sanad Riwayat Warsh dan Qalun daripada Syeikh Muhammad bin Abdul Nabi serta Riwayat Khalaf 'an Hamzah daripada Syeikh Hasan Rajab.



Kesimpulannya, berdasarkan perbincangan berkaitan demografi, kesemua informan yang terlibat dalam kajian ini merupakan pakar yang layak dan sesuai dalam memberi pandangan terhadap isu yang dikaji berdasarkan kepada pengalaman dan pengkhususan yang dimiliki.

5.0 DAPATAN KAJIAN

Secara umumnya temu bual bersama tiga informan adalah bagi menjawab persoalan kajian mengenal pasti cabaran dalam pengajaran ilmu qiraat di MITS Kuala Langat. Pengkaji menggunakan pendekatan di mana sesi temubual dimulakan dengan latar belakang peserta kajian sebelum berkaitan cabaran pelaksanaan pengajaran ilmu qiraat. Bagi mendapat gambaran yang lebih jelas berkaitan kajian ini, pengkaji telah mengajukan dua soalan kepada informan iaitu *“Apakah cabaran dalam pengajaran ilmu qiraat di MITS Kuala Langat?”*. Tema dan subtema berkaitan cabaran dalam pengajaran ilmu qiraat ini dirumuskan dalam jadual matriks perbandingan untuk memudahkan pemahaman.

5.1 Cabaran Pengajaran

Setelah data dianalisis dan dibuat secara pengkodan membuka, pengkodan sisi dan pengkodan memilih, sebanyak empat tema berkaitan cabaran pengajaran dikeluarkan. Dapatan tema-tema cabaran pengajaran qiraat adalah seperti Jadual 1.2 berikut.

Jadual 1.2 Rumusan Tema bagi Kategori Cabaran Pengajaran Ilmu Qiraat

Kategori	Tema
Cabaran Pengajaran	Pelajar tidak meminati subjek qiraat
	Pelajar tidak menghafaz manhaj qiraat
	Pelajar kurang bertanya
	Pelajar tidak mengetahui kepentingan ilmu qiraat

Sumber: Data Temubual Cabaran kaedah Pengajaran Qiraat MITS Kuala Langat (2025)

5.1.1 Pelajar tidak meminati subjek qiraat

Cabaran utama yang dikenal pasti dalam pengajaran ilmu qiraat di MITS Kuala Langat ialah tahap minat pelajar terhadap subjek qiraat berada pada tahap rendah. Dapatan menunjukkan minat mereka terhadap subjek ini rendah adalah disebabkan beberapa faktor. Faktor utama adalah pelaksanaan pengajaran subjek ini bermula pada tingkatan tiga dan empat, iaitu ketika pelajar sedang berhadapan dengan tekanan untuk menamatkan muqarrar hafazan tahunan bagi kurikulum tahfiz al-Quran. Dalam masa yang sama, pelajar juga perlu menumpukan perhatian terhadap mata pelajaran kurikulum kebangsaan seperti matematik, sejarah, dan sains. Dapatan ini berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada informan pertama seperti berikut.

“Subjek ini kan kena bersaing dengan subjek akademik, so kat sekolah ni ada tiga aliran ada quran, ada subjek dinni dan subjek untuk SMATQ” (TB: R/1)

Informan ketiga pula mengatakan bahawa subjek qiraat terpaksa diletakkan pada waktu tengah hari bagi memberi ruang kepada subjek al-Quran dan subjek agama. Situasi ini menyebabkan pelajar kurang berminat dengan subjek qiraat kerana mereka dalam keletihan dan kepenatan. Ini berdasarkan petikan berikut:

“disebabkan mata pelajaran saya ni waktu tengah hari, saya lihat stamina pelajar da kurang dan perlukan pada mujahadah” (TB:R/3)



Manakala menurut informan kedua pula mengatakan faktor pelajar tidak meminati ilmu ini kerana mempunyai mentaliti yang mengatakan bahawa lepasan bidang qiraat tidak mendapat tempat dalam pasaran kerja yang memuaskan. Ini sebagaimana dinyatakan oleh informan dua seperti berikut:

“yang cakap itu bekas pelajar, ala ustaz, kalau belajar ilmu qiraat ni, nak kerja apa je ustaz?”
(TB: R/2)

5.1.2 Pelajar tidak menghafaz manhaj qiraat

Cabaran seterusnya adalah pelajar tidak menghafaz manhaj setiap imam qiraat. Mereka juga tidak menghafaz rumuz, biodata imam dan khilaf-khilaf bacaan qiraat. Keadaan ini menyebabkan mereka tidak memahami dan menguasai dengan baik perbincangan-perbincangan asas dalam ilmu ini. Dalam pada itu, guru terpaksa mengambil pendekatan berbentuk paksaan agar mereka menghafaz semasa sesi kelas berlangsung. Kenyataan ini dapat di rumuskan berdasarkan maklumat informan pertama seperti berikut:

“dah semua bangun, ustazah bagi 5 minit untuk hafaz” (TB:R/1)

Informan kedua pula menjelaskan implikasi yang kurang baik terhadap keputusan peperiksaan sekiranya para pelajar tidak mengingati dan menguasai manhaj setiap imam qiraat. Ini sebagai dinyatakan beliau:

“dalam exam, kalau rumuz dan biodata imam itu pelajar tidak hafaz, memang tidak boleh tolong apa dah kerana itu fakta” (TB: R/2)

Informan ketiga pula menyatakan para pelajar perlu menguasai dan mengingati setiap teori atau manhaj imam qiraat sebelum membaca qiraat secara praktikal. Ini kerana pelajar yang tidak menguasai dan mengingati manhaj imam tidak akan mampu untuk membaca dengan bacaan qiraat. Ini sebagaimana kata beliau:

“yang saya nampak pelajar itu sendiri kena usaha lebih giat lagi untuk mengingati, kalau tak, mereka takleh baca nanti” (TB: R/3)

5.1.3 Pelajar kurang bertanya

Cabaran dalam pelaksanaan pengajaran qiraat seterusnya adalah sikap pelajar yang kurang bertanya semasa sesi kelas berlangsung. Keadaan ini menyebabkan guru tidak dapat membantu mereka dalam menjelaskan isi pelajaran yang kurang difahami semasa sesi PdP berlangsung. Ini sebagaimana dinyatakan oleh informan pertama berikut:

“contoh manhaj isqat hamzah, pelajar salah sebab buang kedua-dua huruf hamzah, jadi dorang ni bukan nak tanya pun kalau ada yang tak faham” (TB: R/1)

Dalam pada itu, informan kedua pula menjelaskan semasa pelaksanaan pengajaran pelajar lelaki kurang bertanya dan kurang fokus berbanding pelajar perempuan. Beliau mengatakan pelajar perempuan memberi tumpuan sepenuhnya terhadap pengajaran guru dan suka bertanya semasa sesi kelas berlangsung. Ini sebagaimana kenyataan berikut:

“Berbeza dengan pelajar lelaki, pelajar perempuan lebih banyak bertanya jika mereka tidak tahu dan membuatkan ustaz tahu di mana pelajar itu tidak faham.” (TB: R/2)

Informan ketiga pula menyatakan suasana PdP qiraat berlangsung hanya satu hala sahaja kerana kebanyakan pelajar tidak terlibat secara aktif dan kurang bertanya. Ini berdasarkan kenyataan informan berikut:



“hmm, apabila ditanya pelajar faham atau tidak, mereka jawab, kami faham ustaz..” (TB: R/3)

5.1.4 Pelajar tidak mengetahui kepentingan ilmu qiraat

Cabaran seterusnya adalah, kebanyakan pelajar tidak menyedari akan kepentingan ilmu qiraat yang dipelajari. Keadaan ini menyebabkan tumpuan kurang diberikan semasa proses pembelajaran subjek ini. Ini kerana mereka merasakan ilmu qiraat terhad berkaitan praktikal bacaan dalam kalangan imam qiraat sahaja. Ini sebagaimana dinyatakan oleh informan pertama berikut:

“hmm agak susah nak tarik pelajar untuk belajar subjek ini sebab mereka merasakan ilmu ini bukan satu keperluan” (TB: R/1)

Dalam pada itu, informan kedua pula mengatakan terdapat segelintir pelajar menjelaskan terpaksa mempelajari ilmu qiraat disebabkan perlu mengikut silibus pembelajaran yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah. Ini sebagaimana petikan berikut:


“bila tanya sebab apa belajar qiraat, mereka jawab sebab memang dah ada dalam silibus sekolah” (TB: R/2)

Selain itu, informan ketiga menjelaskan pelajar yang bersungguh-sungguh dalam mempelajari ilmu qiraat ini kerana mereka terpaksa berhadapan dengan peperiksaan utama iaitu Sijil Menengah Agama Tahfiz Quran (SMATQ) pada tingkatan empat. Ini berdasarkan petikan berikut:

“dalam Peperiksaan akhir Tahun pada tingkatan 3, ada pelajar yang tidak dapat menjawab walaupun ustaz dah ajar, nanti bila tingkatan empat mereka ni akan bersungguh sebab ada exam SMATQ” (TB: R/3)

5.3 Perbincangan

Secara umumnya, dapatan temubual dan pemerhatian telah memperkukuhkan objektif kajian bagi mendapatkan pandangan guru berkaitan cabaran pengajaran ilmu qiraat di MITS Kuala Langat. Dapatan kajian telah berjaya memecahkan kekusaran berkaitan dengan cabaran pelaksanaan pengajaran ilmu qiraat di MITS Kuala Langat. Hasilnya sebanyak empat cabaran utama dalam pelaksanaan pengajaran ilmu ini sebagaimana dalam rajah 1.1 berikut.



Rajah 1.1 Cabaran Pengajaran Ilmu Qiraat di MITS Kuala Langat

Rajah 1.1 menjelaskan terdapat empat cabaran utama dalam pelaksanaan pengajaran ilmu qiraat di MITS Kuala Langat sebagaimana dijelaskan oleh informan. Dapatan temubual mendapati masalah kekurangan minat pelajar terhadap qiraat berpunca daripada beberapa faktor seperti beban akademik, waktu pengajaran yang tidak sesuai, dan pengenalan subjek yang lewat. Hal ini sejajar dengan dapatan Ishak dan Mohd Nor (2020) yang mendapati bahawa pelajar cenderung hilang fokus terhadap subjek yang diajar di luar waktu optimum pembelajaran seperti tengah hari, khususnya jika mereka telah melalui sesi hafazan atau subjek akademik sebelumnya.

Mengikut Teori Maslow (1943), keperluan fisiologi seperti rehat dan tenaga fizikal perlu dipenuhi sebelum seseorang pelajar dapat mencapai tahap tumpuan dan motivasi tinggi dalam pembelajaran. Maka, pengajaran qiraat yang dijadualkan selepas sesi yang memenatkan akan menjejaskan minat dan keberkesanan pembelajaran.

Dapatan seterusnya menjelaskan bahawa pelajar tidak menunjukkan kesungguhan mereka dalam menghafaz manhaj qiraat. Ilmu qiraat menuntut penguasaan usul seperti rumuz, biodata imam dan khilaf bacaan. Tanpa penguasaan yang baik terhadap asas ilmu ini, akan menyukarkan pelajar dalam memahami konteks perbezaan bacaan. Ini seiring dengan dapatan oleh Jamaluddin dan Abdul Rahman (2017) yang menyatakan bahawa kelemahan dalam hafazan struktur manhaj membawa kepada kesilapan dalam penerapan praktikal bacaan. Lebih membimbangkan guru terpaksa menggunakan pendekatan paksaan untuk menghafaz semasa sesi PdP berlangsung sehingga menimbulkan tekanan dan keengganan dalam kalangan pelajar jika tidak diimbangi dengan strategi pengajaran yang interaktif dan menyeronokkan.

Dapatan juga menunjukkan sikap pelajar yang kurang bertanya semasa sesi PdP berlangsung. Sikap pelajar yang pasif dan tidak bertanya merupakan petanda kelemahan komunikasi dua hala dalam PdP. Pelajar lelaki khususnya lebih cenderung untuk berdiam diri dan mengambil pendekatan tidak bertanya walaupun terdapat isi pelajaran yang kurang difahami. Dapatan ini sejajar seperti yang dinyatakan oleh Ismail et al. (2021), yang melaporkan perbezaan gender dalam corak interaksi pelajar di sekolah agama, di mana pelajar perempuan lebih aktif dalam bertanya dan memberi maklum balas.

Impak dari keadaan ini menyebabkan guru sukar menilai sejauh mana kefahaman pelajar. Teori Vygotsky (1978) melalui konsep “*Zone of Proximal Development*” menegaskan pentingnya interaksi dan sokongan (*scaffolding*) dalam



proses pembelajaran. Jika pelajar tidak bertanya, guru tidak dapat memberikan bantuan yang bersesuaian mengikut tahap kefahaman mereka.

Dapatan terakhir berkaitan cabaran pelaksanaan pengajaran ilmu qiraat di MITS Kuala Langat adalah kebanyakan pelajar tidak menyedari akan kepentingan ilmu qiraat yang dipelajari. Salah satu cabaran kritikal adalah tanggapan pelajar bahawa ilmu qiraat tiada masa depan kerjaya yang meyakinkan. Persepsi ini didukung oleh kenyataan bekas pelajar yang meragui nilai ilmu qiraat selepas tamat persekolahan. Pandangan ini selari dengan dapatan oleh Hamid dan Mohamad (2020), yang menunjukkan bahawa pelajar institusi tahfiz kurang pendedahan terhadap peluang kerjaya dalam bidang bacaan qiraat sehingga mereka beranggapan pelajar dalam bidang ini tidak mendapat peluang pasaran kerja yang meluas. Selain itu ketiadaan pendedahan kepada model peranan (*role model*) dalam bidang qiraat menyebabkan pelajar sukar melihat kepentingannya.

6.0 KESIMPULAN

Secara keseluruhan, pengajaran ilmu qiraat di MITS Kuala Langat berhadapan dengan cabaran yang mencabar namun tidak mustahil untuk diatasi. Kurangnya minat, kelemahan hafazan manhaj, interaksi pasif dan persepsi sempit terhadap nilai subjek merupakan antara faktor yang merencatkan penguasaan pelajar dalam ilmu ini. Namun demikian, dengan penambahbaikan dari aspek jadual pengajaran, penggunaan teknologi pendidikan, pendekatan pengajaran berpusatkan pelajar, serta pendedahan kepada peluang kerjaya berkaitan qiraat, pelajar dapat diberikan motivasi dan kefahaman yang lebih luas terhadap kepentingan ilmu ini. Pihak pentadbiran dan guru perlu bekerjasama dalam membentuk ekosistem pengajaran qiraat yang lebih menarik, strategik dan berimpak tinggi supaya subjek ini bukan hanya dilihat sebagai keperluan silibus, tetapi sebagai satu ilmu yang bernilai dan relevan dalam kehidupan serta kerjaya masa hadapan.

CONFLICT OF INTEREST / KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan sama ada daripada sudut kewangan dan sebagainya dalam menjalankan penyelidikan ini

ACKNOWLEDGEMENT/ PENGHARGAAN

Penulis merakamkan penghargaan kepada semua yang terlibat dalam penulisan kajian ini.

RUJUKAN

- Abdul Jalal Abdul Manaf. (2015). Pengetahuan Pedagogi Am Ilmu Qiraat dalam Kalangan Guru Qiraat di Malaysia. *Seminar Serantau Pengajian Qiraat (SISPEQ) - UKM*.
- Abdul Rahman Abdul Ghani. (2016). Cara Guru Tahfiz Mendepani Pendidikan Abad ke 21. *Seminar Tahfiz kali ke-3 Selangor*.
- Abdul Sukor Shaari. (2011). *Pedagogi dari Sekolah ke Institusi Pendidikan Tinggi*. Sintok, Kedah: Penerbit UUM.
- Abdullah, N. H., & Nordin, N. (2021). Peranan alumni dalam pembangunan motivasi pelajar tahfiz. *Jurnal Pendidikan Islam Malaysia*, 8(2), 34–41.
- Ahmad Junaidi. (2018). *Faktor Penguasaan Qirāāt al-Sab'ie Dalam Kalangan Pelajar Kelas Khas Membaca Dan Menghafal Al-Quran (Kkq) Di Negeri Perak*. Tesis Master UPSI 2018.
- Ahmad Sunawari Long. (2011). *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Penerbit UKM: ISBN: 9789674120511



- Azri Kifli, Jahidih Saili, & Azmil Hashim. (2020). Pengaruh Faktor Minat, Motivasi, Persekitaran Sekolah, Kaedah Pembelajaran Pelajar Dan Strategi Pengajaran Guru Terhadap Tahap Literasi Pelajar Dalam Bidang Qiraat. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 24-31.
- Chua Yan Piaw. (2006). *Kaedah Penyelidikan (Buku 1)*. Kuala Lumpur: McGraw Hill Education.
- Ee Ah Meng. (1999). *Pedagogi Satu Pendekatan Bersepadu*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
- Hamid, M. F. A., & Mohamad, A. R. (2020). Persepsi pelajar tahfiz terhadap kerjaya berkaitan ilmu qiraat. *Jurnal Islam dan Pendidikan*, 3(1), 67–76.
- Ikmal Zaidi Hashim. (2016). Konsep al-Riwāyah dan al-Dirāyah Dalam Pengajian Ilmu al-Qirāāt. *Jurnal Pengajian Islam, Akademi Islam Kuis*, 69-88.
- Ismail, A. R., Zakaria, S., & Khalid, M. H. (2021). Pengaruh jantina terhadap gaya pembelajaran pelajar sekolah tahfiz. *Jurnal Psikologi Pendidikan*, 9(1), 45–52.
- Ishak, M. A. & Wan Mohd Nor, W. H. (2021). *Isu Kontemporari dalam Pengajian Tahfiz Al-Qur'an dan Al-Qiraat*. Dalam Isu-Isu Kontemporari dalam Pengajian Tahfiz Al-Quran dan Al-Qiraat. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).
- Jamaluddin, R., & Abdul Rahman, H. (2017). Hafazan dan pemahaman pelajar terhadap ilmu qiraat: Satu kajian kes. *Jurnal Tahfiz Nusantara*, 2(2), 99–112.
- Mohd Aderi Che Noh. (2009). Amalan Pengajaran Tilawah Al-Quran : Satu Tinjauan Terhadap Persepsi Guru Di Sekolah Menengah Harian Malaysia. *Journal Of Islamic And Arabic Education*, 57-70.
- Mohd Yazid Ahmad, & Nik Mohd Rahimi. (2022). Amalan Pengajaran Guru Mata Pelajaran Balaghah Sijil Tinggi Agama Malaysia (Stam) Di Daerah Negeri Selangor. *Jurnal Ilmi*, 12:14-24, 1-11.
- Muhammad Syafee Salihin. (2024). Pembinaan Model Pengajaran Ilmu Tawjih al-Qiraat di IPT Malaysia. Tesis PHD Universiti Islam Selangor
- Noor Lela , & Nur Afrina . (2020). Tahap Amalan Pengajaran Berkesan Guru Prinsip Perakaunan Berasaskan Model Slavin. *Jurnal Pendidikan Malaysia* , 53-54.
- Roslan, R. (2018). Penggunaan teknologi dalam pengajaran Qiraat: Satu penilaian awal. *Jurnal Inovasi Pendidikan*, 7(2), 15–24.
- Shafie, S., Ahmad, N., & Hussin, S. (2021). Cabaran pengajaran ilmu Qiraat dalam kalangan pelajar IPT di Malaysia. *Jurnal Pendidikan Islam*, 35(1), 44–60.
- Salleh, M. N., & Alias, M. N. (2021). Keberkesanan penggunaan teknologi dalam pengajaran hafazan. *Jurnal Teknologi Pendidikan Islam*, 9(3), 88–96.
- Vygotsky, L. S. (1978). *Mind in society: The development of higher psychological processes*. Harvard University Press.
- Wigfield, A., & Eccles, J. S. (2000). Expectancy–value theory of achievement motivation. *Contemporary Educational Psychology*, 25(1), 68–81.



Zainora Daud et al. (2012). Pengajaran dan Pembelajaran Qiraat yang diaplikasi di dalam Kelas Pelajar Kuis: Satu Tinjauan Awal. *International Conference on Research in Islamic and Arabic Language Education 2012, 01-02 June 2012, Mecca, Saudi Arabia*.

Zakaria, A. H., & Ahmad, K. (2019). Pendekatan pengajaran berpusatkan pelajar dalam pendidikan tahfiz. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 44(1), 23–31.